

TINGKAH LAKU DELINKUEN

Terdapat pelbagai definisi berkaitan tingkahlaku delinkuen antaranya:-

Delinkuen adalah sikap melanggar undang-undang (yang tidak serius) atau melakukan perkara yang tidak diterima masyarakat.

(Kamus Dewan Edisi Empat)

“Kelakuan yang melanggar jangkaan yang diinstitusikan, iaitu jangkaan yang dikongsi dan diiktiraf sebagai sah dalam sesuatu sistem sosial”

(Albert Cohen, Deviance and Control)

“Kelakuan yang menyimpang secara significant daripada norma-norma yang ditentukan untuk individu dalam status sosial....., ia tidak dapat dipelihara secara abstrak tetapi perlu dikaitkan dengan norma-norma yang dianggap oleh masyarakat sebagai munasabah dan morally binding bagi orang menduduki status yang berlainan.”

(Robert Merton, Anomie and Social Structure)

“Kelakuan mengikut arah yang tidak dipersetujui, yang bertentangan dengan norma dan darjatnya melebihi had toleransi sesuatu masyarakat”

(M.B Clinard Sociology of Deviant Behaviour)

Keterlibatan Belia Dalam Tingkah Laku Delinkuen



Berdasarkan kajian yang dilaksanakan ke atas 2,403 responden, kajian menunjukkan sebanyak 94.0 peratus atau 2,249 responden pernah melakukan sekurang-kurangnya sekali dalam tingkah laku berisiko. Manakala selebihnya, sebanyak 6.0 peratus atau 154 responden mengatakan tidak pernah melakukan perkara tersebut.


Penglibatan	Peratusan (%)
Pernah melakukan sekurang-kurangnya sekali	94.0
Tidak pernah melakukan	6.0

*Sumber : Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia, 2010
(Kajian Gejala Sosial Di Kalangan Belia Malaysia)*

Sub-Dimensi Tingkahlaku Berisiko

Dapatan kajian melibatkan 2,249 orang responden yang pernah terlibat sekurang-kurangnya sekali dalam tingkahlaku berisiko

Sub-Dimensi Tingkahlaku Berisiko	Peratusan (%)
Seksual	51.3
Penyalahgunaan Bahan	54.5
Tiada Keperaturan	86.5
Tiada Integriti	90.4
Jenayah	52.4



Sumber : Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia, 2010
(Kajian Gejala Sosial Di Kalangan Belia Malaysia)

Peratusan Belia Yang Pernah Terlibat Dalam Sub-dimensi Tingkah laku Berisiko Mengikut Kategori Umur Belia

Kategori Umur	Bilangan Responden Berisiko	Seksual (%)	Tiada Peraturan (%)	Tiada Integriti (%)	Penyalah-gunaan Bahan (%)	Jenayah (%)
15-19 thn	516	46.0	90.0	95.0	46.0	58.0
20-25 thn	649	57.0	89.0	92.0	56.0	57.0
26-29 thn	551	56.0	88.0	91.0	58.0	50.0
30-35 thn	325	48.0	82.0	86.0	60.0	44.0
36-40 thn	208	44.0	78.0	80.0	55.0	45.0

Sumber : Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia, 2010
(Kajian Gejala Sosial Di Kalangan Belia Malaysia)


Salah laku Seksual Persepsi Belia Terhadap Salahlaku Seksual

Kajian ini telah dilaksanakan ke atas 5,016 responden yang berisiko terdiri daripada kelompok Generasi Y (umur belia dari 15 hingga 28 tahun). Hasil dapatan menunjukkan sebanyak 76.0 peratus responden mempunyai rakan-rakan yang pernah menonton video atau bahan lucah.

Selain itu, sebanyak 52.0 peratus responden menyatakan bahawa penglibatan rakan mereka terhadap salah laku hubungan seks luar nikah. Manakala sebanyak 38.0 peratus mengakui rakan mereka pernah mengandungi sebelum berkahwin.

Sumber : Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia, 2010
(Kajian Gejala Sosial Di Kalangan Belia Malaysia)

Salah Laku	Peratusan (%)
Menonton Video/Bahan Lucah	76.0
Melakukan hubungan Seks Luar Nikah	52.0
Pernah Mengandung sebelum Bernikah	38.0



Kategori Umur yang Terlibat dalam Hubungan Seks Luar Nikah

Berdasarkan hasil kajian ke atas 5,016 responden yang terdiri daripada kelompok Generasi Y, seramai 2,629 responden mengakui bahawa rakan mereka terlibat dalam salah laku seks sebelum berkahwin/nikah. Daripada jumlah 2,629 tersebut sebanyak 77% responden mengenali rakan mereka yang berumur antara 20 hingga 24 tahun pernah melakukannya.

Manakala, sebanyak 50% responden mengenali rakan mereka melakukan salah laku tersebut di kalangan umur 16 hingga 19 tahun. Hasil dapatan turut mendapati sebanyak 26% responden mengetahui rakan-rakan mereka terlibat dalam salah laku seksual di luar nikah di kalangan mereka yang berumur 25 hingga 28 tahun.

Selain itu, sebanyak 10% responden menyatakan penglibatan rakan-rakan mereka terhadap hubungan seks luar nikah seawal usia 15 tahun ke atas.

Salah Laku	Umur	Peratusan (%)
Salah Laku Seks Sebelum Nikah	15 tahun kebawah	7.0
	16-19 tahun	50.0
	20-24 tahun	77.0
	25-28 tahun	26.0
	29 tahun keatas	10.0

Sumber : Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia, 2010
(Persepsi Generasi Y Terhadap Isu Pembuangan Bayi)

Lumba Haram

Berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh Polis Diraja Malaysia, jumlah OPS yang dilakukan bagi tahun 2007 hingga 2010 bagi kes lumba haram, negeri Pulau Pinang menunjukkan angka tertinggi iaitu seramai 2,244, diikuti oleh negeri Johor seramai 2,219 dan ketiga tertinggi jumlah OPS adalah bagi negeri Melaka iaitu seramai 1,387.

Bagi tempoh yang sama, tangkapan yang dilakukan di bawah Seksyen 42 APJ, negeri yang menunjukkan angka tertinggi ialah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur seramai 1,445.

Sumber : Polis Diraja Malaysia 2011

*Nota: APJ: Akta Pengangkutan Jalan

NEGERI	2007-2010	
	JUMLAH OPS	Tangkapan Sek. 42 APJ *
Perlis	602	25
Kedah	777	85
Pulau Pinang	2,244	466
Perak	1,015	206
Selangor	629	91
Kuala Lumpur	525	1,445
Negeri Sembilan	465	115
Melaka	1,387	56
Johor	2,219	304
Pahang	671	69
Terengganu	1,314	98
Kelantan	1,170	9
Sabah	570	25
Sarawak	366	11
Jumlah	13,954	3,005

Statistik Lumba Haram Tahun 2007 Sehingga 2010

NEGERI	2007		2008		2009		2010	
	JUMLAH OPS	Tangkapan Sek. 42 APJ	JUMLAH OPS	Tangkapan Sek. 42 APJ	JUMLAH OPS	Tangkapan Sek. 42 APJ	JUMLAH OPS	Tangkapan Sek. 42 APJ
Perlis	237	0	80	14	175	6	110	5
Kedah	242	16	141	11	368	24	26	34
Pulau Pinang	276	22	554	246	792	171	622	27
Perak	258	0	182	83	457	79	118	44
Selangor	33	55	17	13	390	14	189	9
Kuala Lumpur	247	549	107	448	79	250	92	198
Negeri Sembilan	70	8	14	30	362	24	19	53
Melaka	215	12	106	11	619	25	447	8

Sumber : Polis Diraja Malaysia, 2011

... sambungan Statistik Lumba Haram Tahun 2007 Sehingga 2010

NEGERI	2007		2008		2009		2010	
	JUMLAH OPS	Tangkapan Sek. 42 APJ	JUMLAH OPS	Tangkapan Sek. 42 APJ	JUMLAH OPS	Tangkapan Sek. 42 APJ	JUMLAH OPS	Tangkapan Sek. 42 APJ
Johor	306	20	917	219	640	41	356	24
Pahang	57	0	41	34	531	24	42	11
Terengganu	129	0	185	19	754	43	246	36
Kelantan	155	2	79	0	894	2	42	5
Sabah	30	0	162	25	355	0	23	0
Sarawak	48	0	3	3	284	6	31	2
Jumlah	2,303	684	2,588	1,156	6,700	709	2,363	456

Sumber : Polis Diraja Malaysia, 2011

Lumba Haram Mengikut Bangsa Dari Tahun 2007 Sehingga Tahun 2010

NEGERI	Bangsa			
	Melayu	Cina	India	Lain-lain
Perlis	25	0	0	0
Kedah	81	3	1	0
Pulau Pinang	377	45	30	14
Perak	180	9	17	0
Selangor	80	3	5	3
Kuala Lumpur	1,205	96	121	23
Negeri Sembilan	85	18	12	0
Melaka	52	4	0	0

NEGERI	Bangsa			
	Melayu	Cina	India	Lain-lain
Johor	290	8	5	1
Pahang	62	3	4	0
Terengganu	98	0	0	0
Kelantan	9	0	0	0
Sabah	4	0	0	21
Sarawak	9	0	0	2
Jumlah	2,557	189	195	64

Sumber : Polis Diraja Malaysia, 2011

Lumba Haram Mengikut Umur Dari Tahun 2007 Sehingga Tahun 2010

KONTINJEN	Umur				
	<15	16-20	21-25	26-30	>31
Perlis	0	16	9	0	0
Kedah	4	47	29	5	0
Pulau Pinang	14	247	179	22	4
Perak	4	124	74	4	0
Selangor	3	46	40	2	0
Kuala Lumpur	31	891	468	39	16
Negeri Sembilan	0	59	52	4	0
Melaka	3	36	16	1	0

KONTINJEN	Umur				
	<15	16-20	21-25	26-30	>31
Johor	16	166	113	5	2
Pahang	5	48	11	3	0
Terengganu	5	63	27	1	0
Kelantan	6	8	1	0	0
Sabah	0	7	18	0	0
Sarawak	0	2	7	2	0
Jumlah	91	1,760	1,044	88	22

Sumber : Polis Diraja Malaysia, 2011

Lumba Haram Mengikut Pekerjaan Dari Tahun 2007 Sehingga Tahun 2010

NEGERI	Pelajar	Kilang	Sendiri	Tidak Bekerja	Mekanik	Buruh	Despatch	Lain-lain
Perlis	6	1	0	7	1	3	0	7
Kedah	18	0	0	36	5	4	2	20
Pulau Pinang	88	42	0	124	33	23	28	128
Perak	47	19	0	43	7	28	6	56
Selangor	14	5	6	31	12	12	5	6
Kuala Lumpur	192	131	96	322	122	121	123	338
Negeri Sembilan	13	12	0	40	4	1	4	41
Melaka	12	2	0	15	4	2	4	17
Johor	51	24	2	68	29	34	24	73
Pahang	23	2	0	6	0	15	1	21
Terengganu	22	1	0	20	2	20	3	30
Kelantan	0	0	0	8	0	0	0	1
Sabah	4	0	0	11	6	2	0	2
Sarawak	0	2	0	0	0	0	0	9
Jumlah	490	241	104	731	225	265	200	749

Sumber : Polis Diraja Malaysia, 2011

Merokok

Bahan dan sumber kimia dalam sebatang rokok.

Bahan Kimia Dalam Rokok	Sumber Bahan Kimia
Metanol	Bahan Api
Nitrobenzena	Gasolin
Karbon Monoksida	Asap Kereta
Butana	Cecair Pemetik Api
Raksa	Logam Dalam Jangka Suhu
Vinil Klorida	Bahan Utama Plastik
Toulena	Pelarut Industri
Ammonia	Pencuci Lantai
Arsenik	Racun Tikus
Kadmium	Bahan Utama Bateri Alkali
Stearik	Bahan Utama Dalam Lilin
Sianida	Racun Berbisu



*Sumber: www.infokesihatan.gov.my

Faktor Penglibatan Belia Terhadap Kegiatan Merokok

Daripada 2,249 responden yang terlibat dalam tingkahlaku berisiko, seramai 809 responden belia menyatakan mereka menghisap rokok.

Daripada jumlah 809 orang tersebut, sebanyak 29.0 peratus menyatakan mereka menghisap rokok disebabkan pengaruh rakan sebaya. Sifat ingin mencuba menyumbang kepada 29.0 peratus. Sebanyak 16.0 peratus responden setuju bahawa menghisap rokok dapat memberi kepuasan dalam diri mereka.

Faktor ego, duit berlebihan dan ketagihan adalah sebanyak 7.0 peratus. Manakala 5.0 peratus responden menyatakan tekanan atau stres yang dialami oleh mereka menyebabkan mereka menghisap rokok.

Kategori	Faktor	Peratusan (%)
Menghisap rokok	Ikut kawan	29.0
	Ingin mencuba	29.0
	Kepuasan	16.0
	Ego	7.0
	Duit berlebihan	7.0
	Ketagihan	7.0
	Tekanan	5.0
	Jumlah	100.0

Sumber : Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia, 2010
(Kajian Gejala Sosial Di Kalangan Belia Malaysia)

Penyalahgunaan Dadah

Jumlah Penagih Dadah Mengikut Jantina Tahun 2006 Sehingga Tahun 2009


Statistik penagih dadah di Malaysia bagi tempoh 4 tahun dari tahun 2006 sehingga 2009 yang dikeluarkan oleh Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK), menunjukkan pada tahun 2006 seramai 22,811 penagih dadah. Daripada jumlah itu, seramai 22,348 penagih terdiri daripada lelaki dan selebihnya 463 adalah penagih perempuan.

Pada 2007 jumlah penagih adalah seramai 14,489. Seramai 14,141 adalah penagih lelaki, dan selebihnya 348 adalah penagih perempuan. Bagi tahun 2008, jumlah penagih dadah menurun iaitu kepada 12,352 berbanding tahun sebelumnya. Daripada jumlah itu, seramai 12,076 penagih dadah adalah terdiri daripada lelaki, dan selebihnya sebanyak 276 adalah penagih dadah perempuan.

Pada tahun 2009, seramai 15,736 penagih dadah dilaporkan. Daripada angka tersebut, seramai 15,458 adalah terdiri daripada penagih dadah lelaki dan selebihnya sebanyak 278 adalah penagih dadah perempuan.

Sumber : Agensi Antidadah Kebangsaan (ADK), 2011 Maklumat Dadah 2009

Jantina	Bilangan			
	2006	2007	2008	2009
Lelaki	22,348	14,141	12,076	15,458
Perempuan	463	348	276	278
Jumlah	22,811	14,489	12,352	15,736



Jumlah Penagih Dadah Mengikut Etnik Dari Tahun 2006 Sehingga Tahun 2009

Tahun	Melayu	China	India	Pribumi Sabah	Pribumi Sarawak	Lain-lain	Warga Asing	Jumlah
2006	15,849	3,632	2,427	539	99	193	72	22,811
2007	10,522	1,966	1,653	236	29	66	17	14,489
2008	9,562	1,438	1,090	151	17	83	12	12,352
2009	13,705	951	942	56	23	55	4	15,736

Hasil statistik menunjukkan, daripada tempoh 4 tahun iaitu daripada tahun 2006 hingga 2009 etnik yang paling tinggi terlibat dalam penagihan dadah adalah dari etnik Melayu di mana pada tahun 2006 seramai 15,849 penagih dadah dilaporkan, pada tahun seterusnya iaitu tahun 2007, seramai 10,522 penagih dadah, seramai 9,562 penagih dadah dilaporkan pada tahun 2008 dan pada tahun 2009 adalah seramai 13,705 penagih dadah dilaporkan.


Manakala etnik Cina adalah etnik kedua tertinggi daripada tempoh 4 tahun (2006-2009) yang terlibat dengan penyalahgunaan dadah. Pada tahun 2006 seramai 3,632 penagih dadah dilaporkan. Pada tahun 2007 adalah seramai 1,966 penagih. Pada tahun 2008 dan 2009, jumlah penagih masing-masing seramai 1,438 dan 951 penagih dadah telah dilaporkan daripada Agensi Antidadah Kebangsaan.

*Sumber : Agensi Antidadah Kebangsaan (ADK), 2011
Maklumat Dadah 2009*

Penyalahgunaan Dadah Di Kalangan Belia

Penagih Dadah Mengikut Kategori Umur Belia Ketika Dikesan Bagi Tahun 2006 Sehingga Tahun 2009

Tahun	16-24 Tahun	25-39 Tahun
2006	4,657	11,782
2007	2,956	7,519
2008	2,309	6,509
2009	3,305	8,929



Sumber : Agensi Antidadah Kebangsaan (ADK), 2011
Maklumat Dadah 2009


HIV dan AIDS

Statistik Pesakit HIV dan AIDS Dari Tahun 1986 Sehingga 2010

Statistik menunjukkan penghidap HIV/AIDS bagi tempoh tahun 1986 sehingga tahun 2010. Bagi penghidap HIV, seramai 30,443 orang telah dilaporkan yang terdiri dari kategori umur 20 hingga 29 tahun, manakala kategori umur 30 hingga 39 tahun seramai 39,304 orang telah dilaporkan penghidap HIV.

Bagi penghidap AIDS, seramai 3,018 orang adalah terdiri daripada kategori umur 20 hingga 29 tahun, manakala seramai 7,033 menghidap AIDS adalah dari kategori umur 30 hingga 39 tahun dilaporkan.

Umur	Bilangan
20-29 Tahun	30,443
	3,018
30-39 Tahun	39,304
	7,033



■ Menghidap HIV
■ Kes AIDS

Sumber : Unit AIDS/STI Kementerian Kesihatan Malaysia , 2011

Pembuangan Bayi Statistik Pembuangan Bayi Di Malaysia

Statistik dari Polis Diraja Malaysia (PDRM) menunjukkan kes pembuangan bayi dari tahun 2007 sehingga tahun 2010 di seluruh Malaysia. Pada tahun 2007 negeri Johor mencatatkan jumlah yang paling tinggi berbanding negeri lain iaitu sebanyak 21 kes pembuangan bayi.

Tahun 2008, 2009 dan 2010, negeri tertinggi mencatatkan kes pembuangan bayi ialah negeri Selangor iaitu sebanyak 25 kes, 16 kes dan 21 kes.

NEGERI	2007	2008	2009	2010
Perlis	0	0	1	0
Kedah	4	6	3	4
Pulau Pinang	5	10	5	9
Perak	0	5	7	7
Selangor	20	25	16	21
Kuala Lumpur	1	0	0	6
Negeri Sembilan	4	5	8	5

**Sumber : Polis Diraja Malaysia 2011*

...sambungan Statistik Buang Bayi

Perbandingan statistik pembuangan bayi dari tahun 2007 sehingga tahun 2010 menunjukkan sebanyak 76 kes di catat pada tahun 2007. Pada tahun seterusnya iaitu tahun 2008, kes bertambah sebanyak 26 kes, menjadikan 102 kes di laporkan pada tahun 2008.

Pada tahun 2009, kes pembuangan bayi dilaporkan menurun kepada 79 kes, dan tahun berikutnya iaitu tahun 2010, kes yang dilaporkan adalah sebanyak 91 kes.

NEGERI	2007	2008	2009	2010
Melaka	0	0	0	5
Johor	21	13	11	10
Pahang	3	4	6	3
Terengganu	0	3	1	3
Kelantan	0	4	4	4
Sabah	11	20	12	6
Sarawak	7	7	5	8
Jumlah	76	102	79	91

*Sumber : Polis Diraja Malaysia 2011

Persepsi Belia Terhadap Kes Pembuangan Bayi

Berdasarkan dapatan kajian ke atas 1,922 responden yang menyatakan rakan mereka pernah mengandung sebelum berkahwin, sebanyak 6.0 peratus responden mengetahui terdapat kes pembuangan bayi yang dilakukan dalam kalangan rakan mereka.

Manakala selebihnya sebanyak 94.0 peratus responden menyatakan tiada sebarang kes pembuangan bayi yang diketahui yang membabitkan rakan mereka.

Salah Laku	Melakukan Kes Pembuangan Bayi (%)	Tidak Melakukan Kes Pembuangan Bayi (%)
Pembuangan Bayi	6.0	94.0

Sumber : Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia, 2010
(Persepsi Generasi Y Terhadap Isu Pembuangan Bayi)

